

19/09/1998

Cuti umum jika capai kejayaan cemerlang

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menimbang untuk memberi cuti umum jika Malaysia mencapai kejayaan cemerlang pada Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) yang sedang berlangsung.

Menurut Perdana Menteri, beliau sekarang ini belum memikirkan untuk memberi cuti umum itu, tetapi ada kemungkinan menimbangkannya jika semua pihak berusaha sepenuhnya dan tidak kurang semangat juang.

"Malaysia akan dapat mencapai kejayaan cemerlang jika semua atlit negara mempunyai disiplin yang cukup, sebaliknya kita akan gagal jika membenarkan diri dipengaruhi perasaan marah, cemburu dan kecewa," katanya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang berita selepas melawat Lapangasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (Lisram), di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Malaysia meletakkan sasaran untuk mengutip sekurang-kurangnya 10 pingat emas dalam temasya sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik itu. Setakat ini, kontinjen negara memperolehi lima pingat emas, lapan perak dan tujuh gangsa.

Perdana Menteri mengagumi kejayaan penembak negara, Nurul Hudda Baharin, yang mencipta rekod baru bagi acara air rifle, walaupun tangannya yang patah belum sembuh.

"Inilah semangat yang kita hendak. Walaupun menghadapi cabaran besar, dia mempunyai hati yang besar ingin mengatasi segala cabaran dengan jaya.

"Saya ucap tahniah. Walaupun atlit kita nampak kecil berbanding peserta asing, jelas saiz tidak jadi penghalang," katanya.

Dalam acara menembak hari ini, Nurul Hudda memenangi emas pertama negara menerusi acara air rifle perseorangan, manakala Zainal Abidin Mohd Zain menerusi acara full bore rifle.

Perdana Menteri berkata, negara tidak menaruh harapan begitu tinggi untuk memenangi pingat emas yang begitu banyak dan mengakui ia di luar jangkauan.

Kerana itulah, kata beliau, disiplin latihan amat penting dalam menentukan setiap kejayaan.

"Kalau kita biar diri kita dipengaruhi perasaan marah, cemburu dan kecewa, kita tidak boleh menang tetapi kalau kita berdisiplin, saya percaya kita boleh menang banyak lagi," katanya.

(END)